

FIQH PEKERJAAN KONTEMPORARI: SATU ANALISIS PADA ASPEK AKIDAH, SYARIAT DAN AKHLAK

Abdul Hanis Embong¹, Hannan Fatini², Najihah Abdul Mutalib³

¹Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu
hanis.embong@umt.edu.my

²Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin

³Pusat Pendidikan asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu

DOI: <https://doi.org/10.51200/kitab.v2i1.6786>

ABSTRAK

Fiqh Pekerjaan Kontemporari merupakan satu perbincangan hukum-hakam Islam terkini yang sinonim dengan diri setiap Muslim yang menyentuh aspek keagamaan di alam pekerjaan. Setiap Muslim wajib bekerja untuk mencari rezeki demi menampung perbelanjaan seharian dan ia dikira sebagai jihad dan ibadah. Ketika bekerja, pelbagai aspek kehidupan yang perlu dititik beratkan seperti pemakaian, pendapatan, integriti, pergaulan, komunikasi dan sebagainya. Meskipun begitu, aspek keagamaan juga perlu diambil kira, lebih-lebih lagi dalam aspek akidah, syariat dan akhlak agar ia menepati piawaian Islam. Persoalannya, bagaimanakah semua aspek tersebut dapat dikaitkan dengan alam pekerjaan kini? Apakah dalil asas setiap aspek pekerjaan tersebut dan kesinambungan antara ketiga-tiganya? Oleh itu, kajian ini menetapkan dua objektif untuk dicapai iaitu pertama, pengertian Fiqh Pekerjaan dan aplikasinya di alam pekerjaan. Kedua, dalil asas dan keperluan aspek-aspek utama agama dalam Fiqh Pekerjaan Kontemporari. Kaedah kualitatif berkonsepkan kajian dokumen digunakan dalam kajian ini, kemudian dianalisis secara analisis kandungan tematik bagi mendapatkan hasil kajian. Kesimpulannya, konsep Fiqh Pekerjaan di Malaysia telah wujud, namun ia perlu dikemaskini dari semasa ke semasa kerana ia melibatkan hukum-hakam kontemporari. Selain itu, hukum-hakam pekerjaan sedia ada juga perlu dirangkumkan dan disusun kembali dengan mengaitkannya dari aspek akidah, syariat dan akhlak. Dengan terhasilnya Fiqh Pekerjaan Kontemporari, ia mampu memberi kesedaran dalam diri Muslim untuk menunaikan tanggungjawab sebagai seorang pekerja dan hamba Allah SWT, dalam masa yang sama mendapat kejayaan di dunia dan akhirat.

Kata Kunci: Fiqh Pekerjaan Kontemporari, Fiqh Semasa, Kualiti pekerja Muslim, Akidah Syariat dan Akhlak

PENDAHULUAN

Islam mewajibkan umatnya untuk berusaha dalam meneruskan kehidupan seharian. Meskipun begitu, usaha dalam mencari pekerjaan harus diperhatikan secara teliti, kerana ia memberi implikasi kepada rezeki yang halal dan sebaliknya. Keadaan ini disebabkan setiap rezeki yang dimakan itu akan memberi kesan kepada diri dari sudut keberkatan, kebaikan dan keturunan kelak. Akhirnya ia akan ditanya di hadapan Allah SWT, bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Kaki anak Adam akan tetap tegak berdiri di sisi Tuhannya pada hari Kiamat, hingga dia ditanya tentang lima perkara (iaitu): tentang umurnya

untuk apa dia habiskan, tentang masa mudanya untuk apa dia gunakan, tentang hartanya dari mana dia dapatkan, dan dalam hal apa (hartanya tersebut) dia belanjakan dan apa sahaja yang telah dia lakukan dari ilmu yang dimilikinya.” Riwayat al-Tirmizi (2416)

Selain itu, gaji dan pendapatan yang halal harus diperhatikan setiap Muslim agar mencapai keredaan Allah SAW seperti hadith oleh Abu Hurairah R.A, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Siapa yang mencari dunia yang halal untuk menjauhkan diri dari berminta-minta, dan usaha untuk keluarganya dan untuk baik dengan tetangganya, akan dibangkitkan oleh Allah pada hari kiamat dengan mukanya bagaikan bulan purnama, dan siapa yang mencari dunia halal untuk memperbanyak, berbangga dan sombong, akan bertemu dengan Allah pada hari kiamat sedang Allah murka padanya.” Riwayat al-Baihaqi (9890), Ahmad (2/436), Ibn Abi Syaibah (7/16), al-Tabarani (3465).

Kedua-dua hadith di atas jelas menunjukkan bahawa rezeki yang halal mempunyai hubungan rapat dengan alam dunia dan alam akhirat. Dalam Islam khususnya, pekerjaan dan rezeki yang halal bukan hanya dilihat secara fizikal sahaja. Malah ianya dilihat secara tersirat iaitu kerberkatan dan sifat amanah dalam pekerjaan. Nilai etika dan integriti juga menjadi tiang utama dalam mencari reda Allah SWT melalui perkerjaan yang halal (Mariana Ismail, 2018).

Hakikatnya, dalam proses mencari rezeki, setiap individu Muslim tidak terlepas daripada pelbagai isu fiqh (hukum-hakam agama) sama ada melibatkan pergaulan, percakapan, pemakaian dan lain-lain. Semua keadaan ini haruslah menepati piawaian Islam agar rezeki yang diperolehi halal, berkat dan mendapat reda Allah SWT. Perbincangan tentang halal dan haram dalam konteks pekerjaan ini dikenali dengan fiqh pekerjaan, fiqh semasa atau dalam istilah Arab *fiqh al-wazifiy*, *fiqh al-mihan*. Maka, umat Islam khususnya generasi hari ini mestilah memahami dan mengaplikasikan amalan fiqh tersebut dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang Muslim dan pekerja yang bertanggungjawab agar ia dapat dilaksanakan secara seimbang.

LATAR BELAKANG

Menurut Rahimin Affandi (2010) dan Kamaruddin (2012), konsep fiqh semasa telah mula difahami oleh masyarakat Malaysia khususnya. Namun, masih ada golongan yang meragui bahawa fiqh di abad pertengahan boleh memenuhi kehendak zaman moden yang serba canggih dengan sains dan teknologi (Kamarudin, 2012; Sholihur, 2011). Golongan moden ini percaya kepada kehebatan akal dan menolak pandangan yang tidak melepas ujian akal (Kamaruddin, 2012: 32), nilai-nilai Islam seperti dosa pahala, halal, haram, berkat, tidak dapat diukur secara saintifik namun ianya penting bagi memacu spiritual jasad. Mereka melihat perkara ini adalah tidak boleh dilaksanakan secara empirikal lebih-lebih lagi apabila tiada garis panduan jelas berkaitan dilakukan terhadapnya.

Fiqh dari sudut bahasa bermaksud pemahaman. Manakala menurut istilah fuqaha pula ilmu yang menerangkan hukum syarak yang diambil daripada dalil-dalil tafsili iaitu al-quran dan as-sunnah dengan penelitian yang mendalam dan terperinci iaitu dengan jalan ijtihad dan istinbat. Oleh itu, menjadi kewajipan kepada umat Islam

untuk memperbaiki diri dari aspek akidah, ibadah, muamalat, dan akhlak (Abu Abdul Rahman, 2005).

PERMASALAHAN KAJIAN

Jika dilihat pada realiti kini, pengaplikasian amalan fiqh dalam kerjaya khususnya melibatkan penjawat awam kumpulan pengurusan dan profesional di Malaysia masih berada di tahap yang kurang memuaskan. Kenyataan ini disokong oleh Hasni (2003) dan 'Adawiyah (2011) bahawa masih terdapat kekeliruan dalam kalangan lelaki dan wanita berkaitan syariat ketika keluar bekerja dan menguruskan rumah tangga secara bersama. Hal ini memerlukan usaha yang berterusan dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kefahaman masyarakat mengenainya (Zulkifli, 2012; A'dawiyah, 2011; Hasni, 2003; Lim Hock Eam et al. 2003).

Bagi golongan wanita yang berkerjaya pula, masih kurang mengaplikasikan amalan fiqh Islam ketika keluar rumah untuk bekerja seperti penjagaan aurat, pergaulan dan memelihara hukum ketika bermusafir atas sebab pekerjaan. Krisis penjagaan syariat dan penampilan diri wanita lebih ketara apabila melibatkan pekerjaan yang mencabar dan dimonopoli oleh kaum lelaki (Rohaiza, 2011; Basri, 2007). Mereka tidak sedar akan semuanya akan dipertanggungjawabkan dan memberi kesan kepada kehidupan di dunia dan akhirat secara langsung mahu pun tidak (Zunita, 2004). Bagi kaum lelaki, budaya minum di luar sehingga mengabaikan tanggungjawab kerja telah lama diperbincangkan di dada akhbar. Ia bukan sekadar satu perkara kecil, malah amat besar implikasinya apabila tugas tersebut melibatkan orang awam. Undang-undang yang diperketatkan hanya bertahan pada tempoh tertentu, kemudian perkara yang sama diulangi oleh segelintir pekerja.

Terdapat beberapa faktor berlakunya keadaan sedemikian, antaranya ialah cetek pengetahuan agama, terdapat banyak pertikaian (*khilaf*) berkaitan fiqh Islam yang dianggap ketinggalan zaman, ia sedikit sebanyak mempengaruhi masyarakat Islam hari ini (Sholihur, 2011; Rahimin Affandi et al., 2010). Selain itu, ia disebabkan pengaruh pemikiran Barat dan kajian semula hukum-hakam Islam yang disesuaikan dengan cita rasa Barat dan tafsiran moden (Sophia, 2012; Sholihur, 2011). Kesemua faktor ini akan diambil kira dalam kajian ini seterusnya perkemasan akan diteliti secara global mengikut situasi terkini.

Justeru, satu kajian yang terkini bersifat holistik dalam menghimpunkan isu-isu tersebut perlu dijalankan. Konsep Fiqh pekerjaan yang bersifat moden dengan gabungan permasalahan lama dan kontemporari perlu dibangunkan bagi memastikan ia relevan serta menutup pintu fitnah apabila terdapat sesetengah masyarakat memberi tohmahan negatif terhadap kekurangan maklumat berkaitan hukum-hakam Islam.

Permasalahan semasa yang menjadi isu perlu diselesaikan mengikut kaedah Islam yang tepat melalui hukum hakam al-Quran, Al-Sunnah dan ijma' ulama. Perbezaan pendapat harus diteliti dan mengambil kira faktor tempatan dan tradisi masyarakat di Malaysia agar komuniti tidak keliru dengan hukum yang dikeluarkan. Selain itu, pembangunan fiqh pekerjaan tersebut mestilah berorientasikan tradisi tempatan agar ia lebih mesra masyarakat dan mampu diterapkan secara efisien. Fiqh klasik perlu diperkembangkan mengikut kesesuaian dan menjadi tanggungjawab bersama untuk melihat ia diaplikasikan secara teori dan praktikal.

Paling kurang, dengan kewujudan konsep Fiqh Pekerjaan Kontemporari yang menyeluruh mampu memberi panduan asas dalam menilai isu kontemporari yang timbul. Konsep dan model fiqh tersebut harus dibangunkan bagi melihat asas utama penyelesaian masalah dari perspektif Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk penjelasan, iaitu dengan menjelaskan maklumat yang diperolehi melalui buku, artikel, kertas kerja, makalah dan sebagainya sama ada secara fizikal mahu pun digital.

Data yang diperoleh ini akan dianalisis dan disusun mengikut tema yang dibincangkan. Kaedah analisis dokumen dilaksanakan dalam kajian ini. Kesemua data ini kemudiannya akan didokumentasi dengan lebih terperinci.

PERBINCANGAN DAN ANALISIS

Pada bahagian ini, tiga tema yang akan difokuskan bagi melihat secara komprehensif fiqh pekerjaan iaitu dari aspek akidah, syariat dan akhlak. Ketiga-tiga aspek ini sangat penting bagi diri setiap manusia yang bergelar muslim. Kesenambungan ketiga-tiga aspek ini melahirkan personaliti individu yang taat kepada perintah Allah SWT, keseimbangan dalam bermasyarakat serta kehidupan yang mendapat ketenangan dan kebahagiaan (Asming Yalawae et.al, 2011). Seterusnya mampu membentuk pekerja muslim yang cemerlang dan berkualiti.

Definisi Fiqh Pekerjaan Kontemporari

Dari segi bahasa, fiqh bermaksud kefahaman. Antara dalil daripada al-Quran dan hadis yang menyentuh perkataan fiqh adalah seperti berikut:

فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ

Maksudnya: Mengapa sebagian dari setiap golongan di antara mereka tidak pergi untuk memperdalam pengetahuan agama mereka. (Surah al-Taubah: 122)

مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ

Maksudnya: Barangsiapa yang Allah inginkan kebaikan padanya, Allah akan fahamkan ia dalam masalah agama (HR Al-Bukhari & Muslim)

Fiqh dari segi istilah pula membawa maksud Ilmu berkenaan hukum-hakam syarak yang bersifat amali yang diperolehi dari dalil-dalilnya secara terperinci. Termasuk juga perkara yang wajib difahami bagi memperbaiki diri, iaitu dari sudut akidah (kepercayaan), ibadah, muamalat (pergaulan) dan akhlak. Maka apabila digabungkan, Fiqh Pekerjaan bermaksud perkara-perkara yang berkaitan dengan hukum-hukum syariat dalam pekerjaan, sama ada pada aspek etika dan peranan pekerjaan dalam berdakwah kepada Islam (Athiyyah Fayadh, 2005).

Manakala kontemporari bererti masa kini atau terkini, ia juga sinonim dengan perkataan baru (Kamus Dewan, edisi 4). Jika sesuatu perkara tersebut tidak berlaku pada waktu dahulu, dan ia berlaku sekarang serta memerlukan pemerhatian yang berbeza, maka boleh dikategorikan dengan kontemporari. Justeru, Fiqh Pekerjaan Kontemporari bererti perkara yang berkait dengan hukum-hukum syariat dalam pekerjaan yang terkini. Hukum-hukum syariat yang terkini merujuk kepada beberapa

perkara baru dalam pekerjaan yang dilihat dari perspektif agama yang tiga iaitu aspek akidah, syariat dan akhlak.

Keperluan Aspek Akidah Dalam Fiqh Pekerjaan Masa Kini

Akidah atau tauhid merupakan dasar penting pegangan umat Islam dalam menyusuri kehidupan. Akidah adalah dari perkataan Arab yang bermaksud keyakinan atau kepercayaan. Pegangan akidah yang betul ini mengimplementasikan segala urusan hidup menjadi sempurna dan seimbang. Menurut Muhammad Shamat, akidah diibaratkan daging dalam kehidupan masyarakat atau rukun utama yang dapat mengumpulkan dan menyatu padukan manusia. Malah, ianya merupakan pusat dan pendahuluan daripada segala-galanya (Muhammad Shamat, 1998).

Dalam konteks pekerjaan, akidah merujuk kepada keyakinan atau prinsip yang mendasari kelakuan dan tindakan seseorang dalam bekerja. Akidah dalam pekerjaan ini dapat mempengaruhi etika kerja, kualiti kerja, produktiviti dan kepuasan kerja seseorang. Sebagai contoh, sekiranya seseorang memiliki akidah yang kuat terhadap nilai-nilai kejujuran dan integriti, maka seseorang itu cenderung melakukan tindakan yang jujur dan terhormat dalam bekerja. Ini menjadikan seseorang pekerja itu dipercayai dan dihormati oleh majikan, rakan sekerja atau pelanggan. Antara contoh aspek akidah yang perlu seseorang pekerja titikberatkan adalah:

1. Niat Bekerja Semata-Mata Kerana Allah

Bekerja dalam mencari nafkah keluarga merupakan amalan yang mulia. Pekerja yang menjaga nilai sahsiah diri sangat berkait rapat dengan matlamat dan hala tuju atau niat pekerja itu sendiri yang memberi impak kepada reputasi pencapaian kerja. Allah SWT juga menegaskan tentang ikhlas dalam al-Quran iaitu:

Maksudnya: *“Padahal mereha hanya diperintah menyembah Allah dengan ikhlas mentaatiNya semata-mata kerana (menjalankan) agama, dan juga agar melaksanakan solat dan menunaikan zakat, dan yang demikian itulah agama yang lurus (benar)”. Surah al-Bayyinah: 30 (5)*

Ayat ini jelas menunjukkan Allah memberitahu umatnya bahawa agama dari Allah SWT itu adalah satu dan mestilah mentaati dan melaksanakan dengan ibadah yang sebenar iaitu ikhlas. Dalam Islam, niat akan menentukan apa yang diperlakukan dan ditonjolkan dalam sesuatu perkara berdasarkan hadis yang bermaksud:

Maksudnya: *“Bahawa sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat, dan bahawa sesungguhnya bagi setiap orang adalah apa yang dia niatkan. Barangsiapa yang berhijrah menuju Allah SWT dan Rasul-Nya maka sesungguhnya kepada Allah dan Rasul-Nya. Barangsiapa yang hijrahnya kerana dunia atau kerana perempuan yang mahu dikahwininya, maka hijrahnya ke arah perkara yang ditujunya itu”. (Riwayat al-Bukhari, Sahih Bukhari dan Muslim (1907)*

Niat menurut konteks kerja selain mencapai sasaran atau pencapaian dalam bidang pekerjaan, elemen penyerahan kepada Allah SWT juga perlu dititikberatkan. Hal ini supaya setiap kerja-kerja yang dilakukan bukan semata pandangan manusia tetapi menjadikan sesuatu pekerjaan itu sebagai ibadah. Kenyataan ini disokong oleh Yusuf al-Qardhawi yang menyatakan bahawa niat seseorang menjadi baik atau buruk, wajib atau sunat, haram, makruh ataupun harus (Yusuf al-Qardhawi, 2004). Oleh itu,

niat yang baik atau buruk bergantung kepada paa yang menggerakkan niat sama ada bertujuan keduniaan atau mencari keredhaan Allah SWT.

2. Mengingati Allah SWT

Selain itu, mengingati Allah dalam bekerja ini adalah penting dalam menjaga kualiti kerja dan sikap baik dalam pekerjaan. Antara cara untuk mengingati Allah ketika bekerja ialah (The Islamic Workplace, 2023):

1. Membaca doa sebelum memulakan pekerjaan: Sebelum melakukan kerja, membaca doa agar diberikan kemudahan dalam menyelesaikan tugas, diberikan keberkatan dan berlandung daripada segala keburukan.
2. Mengucapkan Basmalah: Mengucapkan Bismillahirrahmanirrahim sebelum melaksanakan sesuatu pekerjaan sebagai tanda mengawali dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.
3. Membaca ayat suci al-Quran: Mmembaca ayat suci al-Quran merupakan salah satu cara mengingati Allah dalam bekerja.
4. Menjaga etika kerja yang baik: Menjaga etika termasuklah jujur, amanah dan bertanggungjawab merupakan bentuk mengingati Allah dalam bekerja.
5. Berdoa sebelum dan sesudah bekerja: Berdoa sebelum dan sesudah bekerja juga merupakan bentuk peringatan bahawa segala usaha yang dilakukan hanyalah izin Allah SWT.

Secara kesimpulannya, peranan akidah terhadap pekerja dalam menjalankan pekerjaan sangat penting kerana merupakan satu kepercayaan dan kebergantungan seseorang terhadap keimanan kepada Allah SWT. Sekiranya aspek akidah ini dipandang enteng oleh sesetengah pekerja, atau meninggalkan ketaatan kepada Allah SWT, nescaya Allah SWT akan menimpakan azab, menghilangkan kebahagiaan dan kenikmatan yang diperolehi. Hal ini dibuktikan dalam al-Quran surah Saba pada ayat ke-15 berkaitan kejayaan Negeri Saba' berakhir dengan kemusnahan (Faridah Kamaruddin, 2022).

Keperluan Aspek Syariat Dalam Fiqh Pekerjaan Masa Kini

Aspek syariat juga boleh diertikan sebagai fiqh, hukum hakam dalam Islam serta undang-undang Islam. Aspek syariat dalam bekerja ini adalah elemen yang sangat penting dan perlu diperhalusi oleh umat Islam. Syariat adalah segala aturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dalam al-Quran dan Sunnah yang telah disampaikan oleh Rasulullah SAW. Dalam al-Quran, Allah SWT menyebut berkaitan dengan syariat iaitu:

Maksudnya: *“Kemudian Kami jadikan engkau (Muhammad) mengikuti syariat (peraturan) dari agama itu, maka ikutilah (syariat itu) dan janganlah engkau ikuti keinginan orang-orang yang tidak diketahui”.* (Al-Jathiyah, 45:18).

Syariat ini telah menetapkan apa yang halal, haram dan sebagainya (Hamzah Omar et.al, 2020). Sebagai contoh syariat ketika dalam pekerjaan merangkumi bab pemakaian yang patuh syariat, batas pergaulan antara pekerja lelaki dan perempuan, cara komunikasi yang dituntut dalam Islam, pelaksanaan amal ibadah seperti solat, batas aurat yang perlu dipelihara, tuntutan zakat dan sebagainya. Antara elemen syariat dalam bekerja yang perlu dititik beratkan ialah:

1. Menghindari Riba

Riba adalah perkara haram dalam Islam serta dianggap sebagai dosa besar. Dewasa ini, istilah riba ditukarkan kepada istilah-istilah baru seperti faedah, ujarah, bunga dan interest. Istilah-istilah ini boleh mengelirukan umat Islam bagi menambahkan lagi modal kepada pemiutang. Secara umumnya, riba adalah sesuatu proses keuntungan yang haram diterima daripada ketidaksamaan nilai atau lebihan barangan yang asal (Mohd Shukri, 2013).

Oleh itu, umat Islam mestilah menghindari riba dalam bentuk apa jua termasuklah ketika bekerja, pinjaman atau sebagainya yang melibatkan riba. Allah SWT berfirman dalam al-Quran:

Maksudnya: *“Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba”.* (Surah al-Baqarah: 275)

Selain itu, terdapat juga hadis Rasulullah SAW yang melaknat seseorang yang terlibat secara langsung dengan riba iaitu (Abdul Hakim , 2021):

“Rasulullah SAW melaknat penerima riba dan pembayar riba dan orang yang mencatatnya dan kedua-dua saksinya dan Baginda berkata mereka itu semuanya sama.” (Riwayat Sahih Muslim 1598)

Pengharaman riba ini mempunyai hikmah yang besar dalam kehidupan seseorang. Sebagai umat Islam atau individu yang pekerja fenomena yang menimpa umat Islam adalah apabila tidak mengendahkan besarnya dosa riba yang memberi impak kepada bentuk kehilangan berkat dalam pekerjaan (Zaharuddin Abd Rahman, 2016). Menurut Zaharuddin, sekiranya perniagaan yang dilakukan itu menguntungkan, namun terdapat mencarikkan hak Allah seperti riba, ianya perlu dihentikan (Hasniza Hussain, 2021).

Pengharaman riba ini merupakan salah satu bentuk kasih sayang Allah untuk menyelamatkan golongan yang lemah dan miskin daripada ditindas oleh golongan kuat dan kaya serta perbuatan tersebut diamalkan oleh masyarakat jahiliah (Nur Zainatul Nadra et.al, 2016). Antara implikasi riba terhadap kehidupan manusia ialah melahirkan satu sistem pulangan ekonomi yang tidak telus, meningkatkan harga komoditi (barangan) di pasaran, berlaku inflasi, kuasa beli golongan miskin terjejas, pengangguran, hutang antarabangsa, jurang pendapatan golongan kaya dan miskin, dan melahirkan akhlak buruk di dalam kalangan manusia (Sharifah Faigah, 2003).

2. Memenuhi Hak Pekerja

Hubungan majikan dan pekerja merupakan suatu hubungan yang unik dan Sebagai mempunyai sifat kebergantungan yang sangat tinggi. Seorang muslim yang bekerja, mestilah memenuhi hak-hak pekerja dan memperlakukan kepada orang bawahan dengan perlakuan yang baik dan adil. Hubungan baik diantara majikan dan pekerja akan melahirkan suasana yang baik ditempat kerja. Malah terdapat undang-undang yang dikenakan ke atas majikan untuk menjaga kebajikan pekerja dibawah tanggungannya (Mumtaj & Anis Shuhaiza, 2018). Hal ini termasuklah memberikan gaji yang setimpal, mematuhi peraturan pekerja, memberikan cuti yang layak dan melayani dengan hormat. Rasulullah SAW bersabda:

“Sesungguhnya Allah SWT menyukai orang yang berkelakuan baik kepada pekerjaannya”. (Riwayat Bukhari)

Dalam konteks kerja, majikan hendaklah menjaga adab sama ada perbuatan serta percakapan. Gangguan seksual merupakan suatu fenomena negatif di tempat kerja. Mangsa yang pernah mengalami gangguan seksual ini sentiasa dihantui oleh masalah dan tertekan. Ini sangat memberi kesan kepada produktivi organisasi (Shamsinar & Suria, 2018). Justeru, memelihara hubungan baik antara majikan dan pekerja dalam sesebuah organisasi sangat memberikan natijah yang cukup besar dalam mencapai sesebuah misi organisasi untuk terus berkembang dan menyebarkan produktiviti kepada masyarakat khususnya (Nor Hartini, 2016). Ini dapat menyumbangkan kepada suasana yang cukup harmoni, aman dan penuh ukhuwah dalam organisasi berkaitan.

3. Melaksanakan Solat dan Ibadah lain

Solat merupakan tiang agama. Umat islam wajib melaksanakan ibadah solat walaupun sibuk bekerja. Solat lima waktu adalah salah satu ibadah yang wajib dilakukan serta mestilah meluangkan waktu untuk beribadah lainnya seperti membaca al-Quran, berpuasa dan bersedeqah. Tuntutan agama Islam mewajibkan untuk menunaikan solat sebanyak lima kali sehari, manakala setiap hari Juamaat, pekerja lelaki wajib menunaikan solat Jumaat di masjid pada waktu zohor (Jabatan Tenaga Kerja, 2018).

Solat dan kerja mempunyai hubungan yang rapat di antara satu sama lain (Nik Hasnah Ismail, 2017). Solat yang dilakukan dengan penuh penghayatan dapat membentuk jati diri yang unggul dalam kalangan diri manusia. Ini amat penting bagi seseorang pekerja untuk membina sifat-sifat mahmudah dalam diri. Allah SWT berfirman dalam al-Quran:

Maksudnya: *“Kemudian setelah selesai solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah limpah kurniaan Allah, serta ingatlah Allah sebanyak-banyaknya (dalam setiap keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan akhirat).”* (Surah al-Jumua: 10)

Ayat ini jelas menunjukkan Islam tidak melarang untuk mencari rezeki dalam bekerja tetapi mestilah melaksanakan suruhan Allah SWT dengan melakukan kewajipan ibadah solat. Bekerja tanpa menghiraukan waktu solat dibimbangi tidak mendapat keberkatan hasil pendapatan dan sumber rezeki yang diperolehi.

4. Menjaga Aurat

Seorang muslim mestilah menjaga auratnya dan tidak boleh mendedahkan auratnya terutama di tempat kerja. Menjaga batas aurat ketika bekerja ini sangat penting baik lelaki mahupun wanita. Aurat wanita ialah seluruh tubuhnya kecuali wajah dan tapak tangan, manakala bagi lelaki ialah dari pusat sehingga lutut. Allah SWT berfirman dalam surah An-Nur iaitu:

Maksudnya: *“Dan katakanlah kepada wanita yang beriman, hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang (biasa) nampak dari padanya.”*

Sesebuah organisasi mestilah menetapkan garis panduan pemakaian yang mengikut landasan syariat supaya dapat memastikan pakaian yang dipakai tidak ketat dan menjolok mata (Siti Nurathirah et.al, 2019). Antara etika pemakaian ketika bekerja ialah:

1. Memakai pakaian yang sopan dan tidak terlalu ketat.
2. Tidak berlebihan dalam solekan dan bauan serta perhiasan.
3. Memakai hijab atau tudung yang menutupi paras dada.
4. Menjaga batas pergaulan antara lelaki dan wanita.
5. Jangan berbincang hal peribadi dengan lawan sejenis di tempat kerja, kekal fokus kepada kerja.

Secara kesimpulannya, pekerjaan yang dilakukan bukan sekadar untuk memenuhi keperluan hidup, tetapi mempunyai kaitan dengan tujuan hidup iaitu mengabdikan diri kepada Allah SWT (Norhayati Paradi, 2015). Implikasi yang akan berlaku sekiranya seseorang pekerja itu tidak beramal dengan tuntutan syariat yang diperintahkan oleh Allah SWT kepada umatnya mewujudkan persekitaran yang tidak baik seperti mengadu domba, mengumpat, mencaci, menghina dan sebagainya. Selain itu, keadaan ini menyebabkan lahirnya pekerja yang tidak produktif dan sikap yang sambil lewa terhadap pekerjaan. Hal ini memberi kesan kepada pencapaian sesuatu tidak memuaskan. Tambahan, masyarakat akan memandang rendah serta kurang kepercayaan terhadap sesuatu organisasi yang tidak mempunyai pekerja yang tidak berintegriti.

Keperluan Aspek Akhlak Dalam Fiqh Pekerjaan Masa Kini

Akhlak diertikan sebagai tingkah laku, tasawuf atau ihsan. Akhlak yang baik ini adalah salah satu perkara yang sangat penting dalam dunia kerja. Akhlak ini juga terbentuk hasil daripada pegangan akidah yang kuat dan pengamalan syariat yang berlandaskan al-Quran dan Sunnah. Hal ini dibuktikan dalam al-Quran dalil tentang akhlak iaitu:

Maksudnya: *“Janganlah kamu menyembah selain Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua orang tua, kerabat, anak-anak yatim dan orang-orang miskin. Dan bertuturlah dengan kata yang baik kepada manusia”.* (Surah al-Baqarah, 1:83)

Selain itu, Rasulullah SAW juga pernah bersabda dalam riwayat al-Bukhari yang berbunyi “Sesungguhnya, aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak”. Hal ini menunjukkan integriti, kejujuran dan profesionalisme seseorang di tempat kerja. Hakisan nilai integriti ini akan menyebabkan berlaku kepincangan dalam pentadbiran dan salah laku dalam organisasi (Megat Ayop & Abd Halim, 2016). Antara aspek akhlak yang perlu dijaga ialah:

1. Menjaga Lidah dan Tangan

Allah SWT menegaskan dalam al-Quran supaya sentiasa menjaga tata bicara dalam berkomunikasi kepada orang lain. Komunikasi ini dibahagikan kepada dua bentuk sama ada dari segi percakapan mahupun dalam penulisan. Sekiranya seseorang itu tidak mampu menuturkan percakapan yang baik atau tidak boleh menulis perkara kebaikan hendaklah diam. Hal ini dibuktikan dalam firmanNya pada surah Al-Qaf iaitu:

Maksudnya: *“Tidak ada suatu kata yang diucapkan melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (mencatatnya)”.* (Surah Al-Qaf, 18:26)

Selain itu, Rasulullah SAW juga bersabda dalam hadis yang berbunyi:

Maksudnya: *“Barangsiapa yang beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat, hendaklah dia berkata baik atau diam, sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat hendaklah dia menghormati tetangganya dan barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat hendaklah dia memuliakan tetamunya”*. Riwayat Bukhari dan Muslim, (40:15)

Dari hadis ini dapatlah difahami bahawa Islam menyeru kepada sesuatu yang dapat menumbuhkan rasa cinta dan kasih sayang dikalangan individu terutamanya ketika dalam bekerja. Bahkan Islam sangat menjaga agar seseorang muslim ketika berbicara mestilah yang bermanfaat dan hendaklah mencegah daripada perkataan yang diharamkan serta buruk.

2. Menjaga Diri Dari Maksiat

Akhlak mempunyai perkaitan dengan ihsan kerana tanpanya tidak sempurnalah iman seseorang. Ihsan membawa maksud mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan menjadi hamba-Nya yang taat, dengan melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan larangan dengan ikhlas (Mohamad Zulfakhairi et.al, 2018). Perbuatan ihsan juga merasakan diri sentiasa berada dalam pemerhatian Allah SWT seperti dalam hadith:

“Ihsan ialah engkau beribadah kepada Allah seakan-akan engkau melihat-Nya, jika engkau tidak melihatnya, maka Dia melihat engkau.”
(Hadith Riwayat Muslim, 9 &10)

Oleh itu, seseorang pekerja yang bersikap ihsan akan sentiasa mengingati Allah SWT secara tidak langsung menambahkan keimanannya. Dalam Islam, pembangunan diri bermula dengan tarbiah atau Pendidikan yang berlandaskan kepada Al-Quran dan Al-Sunnah. Pendidikan ini bermula sejak seawal dalam kandungan ibu sehinggalah seseorang itu berhadapan dengan kematian. Keperibadian yang telah dibentuk dengan baik ini akan menjadi seseorang itu khalifah Allah SWT yang bertanggungjawab mengurus semua penciptaan tuhan dengan baik serta sebagai hamba Allah yang taat dengan segala perintahNya (Yusmini Md Yusoff, 2019). Allah SWT juga menegaskan dalam al-Quran supaya tidak melakukan perbuatan keji atau yang dilarang serta memberi ancaman yang berat buat pelaku sebagaimana firmanNya:

Maksudnya: *“Sesungguhnya orang-orang yang ingin agar perbuatan yang sangat keji itu tersiar di kalangan orang-orang yang beriman, mereka mendapat azab yang pedih di dunia dan di akhirat”*. (Surah An-Nur, 19:18)

Ibnu Katsir menyatakan dalam tafsirnya iaitu orang yang ingin berita berkaitan sesuatu perbuatan yang keji disebarkan dan disairkan di kalangan orang-orang yang beriman, mereka itulah yang mendapat azab yang pedih. Islam menyatakan bahawa orang yang berkata perkara-perkara yang keji adalah sama dosanya seperti orang yang menyebarkannya kerana kedua-dua golongan ini menyebabkan implikasi yang buruk.

Amalan mengandu domba dalam suasana kerja mestilah dihindari untuk menjaga keharmonian dan kedamaian dalam sesebuah organisasi.

3. Menjaga Keberkatan Waktu

Setiap orang yang ingin berjaya dalam kerjayanya mestilah menjaga keberkatan waktu. Pekerja mestilah menjaga waktu agar tidak membuang masa pada perkara yang tidak berfaedah. Mencuri waktu kerja seperti melakukan aktiviti selain kerja, tidak menepati waktu kerja, curi tulang ketika kerja merupakan suatu perkara negatif yang perlu dihindari etika bekerja. Suasana hari ini, masyarakat asyik melayari medsos yang sangat membimbangkan kerana akan menjerus kepada melakukan maksiat. Ini dapat dibuktikan dengan firman Allah SWT dalam al-Quran:

Maksudnya: *“Dan orang yang menjauhkan diri dari (perbuatan dan perkataan) yang tidak berguna”. (Surah al-Mukminun, 3:18)*

Ayat ini jelas menunjukkan sesuatu yang sia-sia hendaklah dihindari untuk mengelak diri daripada terjebak dengan perkara buruk atau maksiat. Kesimpulannya, berakhlak ketika dalam pekerjaan sangat penting kerana mencerminkan peribadi seseorang. Bekerja dengan baik dan mencari sumber rezeki halal ini akan menjamin keberkatan rezeki. Tambahan pula, rezeki yang diperolehi ini akan diberikan kepada anak isteri, ibu bapa, orang yang memerlukan dan sebagainya. Implikasi yang berlaku sekiranya tidak mengamalkan aspek akhlak yang dititikberatkan oleh Islam akan menyebabkan berlaku kepincangan sama ada terhadap diri sendiri, keluarga, organisasi tempat kerja dan juga masyarakat. Hasil kerja yang baik akan mencorakkan jasmani dan fikiran yang baik kepada pekerja yang beramal dengan konsep dalam Islam.

Justeru, dengan gabungan ketiga-tiga aspek agama dalam pekerjaan akan memberi keseimbangan dalam diri setiap Muslim. Seimbang untuk perkara dunia dan akhirat, juga sebagai hamba Allah dan sebagai pekerja berkualiti dalam satu-satu organisasi. Kepentingan aspek akidah dalam pekerjaan merupakan perkara utama perlu didahulukan, diikuti dengan aspek syariat dan akhlak.

Akhlak seseorang diterjemahkan dalam perbuatan ketika bekerja sama ada dalam pergaulan, pemakaian, komunikasi, penjagaan waktu dan sebagainya. Semestinya akhlak atau perbuatan yang baik itu muncul daripada akidah (kepercayaan) serta syariat (hukum-hakam Islam) yang benar, kerana ketiga-tiganya amat berkait antara satu sama lain.

Maka dapat dirumuskan bahawa pekerja Muslim yang berkualiti ialah mereka yang mencukupi ketiga-tiga aspek tersebut, kemudian diterjemahkannya dengan perbuatan yang baik ketika bekerja. Manakala memahami Fiqh Pekerjaan Kontemporari akan memberi nilai tambah yang baik kepada mereka dalam mengikuti setiap panduan islam. Bagi yang masih pada tahap kurang baik pada ketiga-tiga aspek tersebut, Fiqh Pekerjaan Kontemporari dapat dijadikan panduan ketika bekerja agar terpelihara daripada perkara-perkara yang haram dan syubhah (meragukan).

KESIMPULAN

Fiqh Pekerjaan merupakan perbincangan yang mesti dipraktikkan dalam sesebuah organisasi serta dalam diri setiap pekerja Muslim. Bekerja merupakan suatu ibadah yang dituntut oleh agama Islam. Bekerja juga merupakan usaha murni untuk mencari sumber rezeki bagi menampung kehidupan seseorang sama ada diri sendiri, kaum keluarga serta memberi manfaat kepada orang lain. Malah, tuntutan kerja ini juga

merupakan tahap kewajipan agama dengan melakukan amal pekerjaan yang baik, bermuamalat dengan sopan, tidak meninggikan diri, menjauhi sifat buruk sangka yang bertentangan dengan Islam seperti cara bodek, melobi, angkat diri, angkuh dan sebagainya.

Hakikatnya, manusia yang beramal dengan tiga aspek ini menentukan nilai atau harga diri bagi seseorang Muslim. Hal ini dapat mendorong kepada kemajuan diri, negara, bangsa dan agama. Ini juga membuktikan bahawa Islam sangat mengambil perhatian terhadap kemajuan umat Islam secara individu serta menekankan kemajuan daripada pelbagai sektor kehidupan seperti ekonomi, sosial dan politik. Maka, pengaplikasian ketiga-tiga aspek yang merangkumi akidah, syariat dan akhlak ini menjadikan seseorang disayangi oleh Allah SWT dan dikira sebagai muslim sejati. Seterusnya akan dipermudahkan urusan dunia dan akhirat oleh Allah SWT dengan pelbagai cara. Bagi melahirkan pekerja yang baik, ketiga-tiga aspek yang dibincangkan dalam kajian ini perlulah diperhalusi untuk mencapai kebaikan bersama, baik di dunia mahupun di akhirat.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), melalui nombor projek FRGS/1/2021/SS10/UMT/02/1 (59669), oleh Kementerian Pendidikan (KPM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

RUJUKAN

- Abdul Hakim . (2021, Julai 10). *Hukum Hasil Keuntungan Perniagaan Yang Menggunakan Pinjaman Riba Sebagai Modal*. Retrieved from Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan: <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4864-irsyad-al-fatwa-siri-ke-592-hukum-hasil-keuntungan-perniagaan-yang-menggunakan-pinjaman-riba-sebagai-modal>
- Abu Abdul Rahman. (2005). *Madkhal ila Fiqh al-Muhin*. Mesir: Dar Nasr Lil Jamiah.
- Asming Yalawae et.al. (2011). Akidah: Peranan dan Kepentingannya Dalam Memelihara Keharmonian Rumah Tangga. *Jurnal Usuluddin* 33, 1-18.
- Faridah Kamaruddin. (2022, Februari 15). *Pentingnya Akidah di dalam Kehidupan*. Retrieved from Harakahdaily: <https://harakahdaily.net/index.php/2022/02/15/pentingnya-akidah-di-dalam-kehidupan/>
- Hamzah Omar et.al. (2020). Kefahaman Amanah Menurut Perspektif Al-Quran: Analisis Kefahaman Kakitangan Pekerja di Pejabat Agrobank Wilayah Johor/Melaka. *e-Proceeding of The 2nd International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2020 (THIQAHA 2020)*, 296-318.
- Hasniza Hussain. (2021, Januari 13). *Elakkan Diri Dalam Perniagaan Haram dan Riba*. Retrieved from Sinar Harian: <https://www.sinarharian.com.my/article/118861/khas/wacanaquran/elakkan-diri-dalam-perniagaan-haram-dan-riba>
- Jabatan Tenaga Kerja. (2018). *Garis Panduan Menunaikan Solat dalam Waktu Kerja*. Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia .
- Megat Ayop & Abd Halim. (2016). Kepentingan Budaya Integriti dan Etika Kerja dalam Organisasi di Malaysia: Suatu Tinjauan Umum. *Malaysian Journal of Society and Space*, 138-149.

- Mohamad Zulfakhairi et.al. (2018). Impak Niat Terhadap Pekerja di Institusi Islam dari Perspektif Tasawur Islam. *Sains Insani* , 82-87.
- Mohd Shukri. (2013). Asbab Al-Nuzul Pengharaman Riba: Kajian Surah Al-Baqarah Ayat ke-275 sehingga Ayat ke-281. *ISMP Pendidikan Islam, UPSI*.
- Muhammad Shamat. (1998). *Al-Islam Din wa Dunya*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Mumtaj & Anis Shuhaiza. (2018). Tanggungjawab Statutori Majikan Menurut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. *International Journal of Law, Government and Communication*, 44-53.
- Nik Hasnah Ismail. (2017, April 27). *Solat Bentuk Pekerja Berintegriti*. Retrieved from Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2017/04/276323/solat-bentuk-pekerja-berintegriti>
- Nor Hartini. (2016). Memelihara Hubungan Baik antara Majikan dan Pekerja. *Integriti Menjana Kecemerlangan & Jati Diri*, 1-2.
- Norhayati Paradi. (2015, April 16). *Agama. Niat Penentu Keberkatan Kerja*. Retrieved from Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2015/04/47893/agama-niat-penentu-keberkatan-kerja>
- Nur Zainatul Nadra et.al. (2016). Konsep Al-Salam dalam Mendepani Isu Pengharaman Riba untuk Memelihara Kemaslahatan Pengguna. *MACFEA Kuala Lumpur*, 1-11.
- Shamsinar & Suria. (2018). Gangguan Seksual di Tempat Kerja: Tinjauan Undang-Undang. *Gading (Online) Journal for Sosial Sciences*, 124-129.
- Sharifah Faigah. (2003). Pengkelasan Riba dan Rasional Pengharamannya. *Gading Jilid 8*, 79-90.
- Siti Nurathirah et.al. (2019). Isu-isu Berkaitan Etika Pemakaian Pekerja Muslimat Sektor Perhotelan di Malaysia. *Proceeding of the International on Islamic Civillization and Technology Management*, 204-213.
- The Islamic Workplace. (2023, May 8). *How to Remember Alah at Work*. Retrieved from <https://theislamicworkplace.com/2014/06/05/how-to-remember-allah-at-work/>
- Yusmini Md Yusoff. (2019). Kepentingan Nilai-Nilai Islam Dalam Pembangunan Diri Orang Kelainan Upaya (OKU) Kategori Bermasalah Pembelajaran. . *Jurnal Usuluddin 47 (Khas)*, 105-118.
- Yusuf al-Qardhawi. (2004). *Niat dan Ikhlas*. Pustaka Kautsar.
- Zaharuddin Abd Rahman. (2016, Oktober 8). *Riba Punca Kehidupan Tidak Berkat*. Retrieved from Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2016/10/199979/riba-punca-kehidupan-tidak-berkat>